

# 1 Pengenalan


## Kandungan

|                          |   |
|--------------------------|---|
| 1. Sejarah Port Dickson  | 1 |
| 2. Pengenalan Organisasi | 3 |
| 3. Punca Kuasa MPPD      | 7 |



## SEJARAH PORT DICKSON

Port Dickson mendapat nama sempena nama pegawai tinggi British bernama Sir John Frederick Dickson yang telah ditempatkan di Negeri Negeri Selat semasa akhir abad ke-19. Sebelum tempat ini dibangunkan dan dimajukan, ianya dikenali dengan nama Tanjung oleh orang Melayu tempatan kerana kedudukannya di teluk kecil. Orang Cina dan India tempatan pula menamakan tempat ini sebagai Alang atau Arang oleh kerana berhampiran dengan teluk tersebut terletak sebuah pulau yang terkenal dengan pengeluaran arangnya dan membekalkannya kepada kawasan berhampiran.



*Sir John Federic Dickson*

Setelah menyedari Arang mencapai kemajuan yang pesat sebagai kawasan perindustrian, Tanjung sebagai kawasan bandar yang membangun dengan cepatnya, Setiausaha Negeri-negeri Bersekutu Selat, Sir John Frederick Dickson, terus mewartakan supaya Tanjung dijadikan sebuah pelabuhan yang strategik dan juga menjadikannya sebagai tempat istirehat untuk pegawai dan peladang British.



Pembangunan pelabuhan itu juga membolehkan orang-orang British mengambil kesempatan dari perniagaan rempah, teh dan sutera yang menguntungkan dari perdagangan di negara India dan China. Aktiviti perdagangan yang sibuk antara peniaga dua negara tersebut menonjolkan Selat Melaka sebagai satu tempat perhentian yang sesuai dan praktikal kerana kedudukannya di pertengahan perjalanan bagi saudagar-saudagar kapal itu.

Bagi melengkapi keberkesanan peranan pelabuhan baru ini, maka pada tahun 1891, satu landasan kereta api sepanjang 39km telah dicadangkan untuk menghubungkan Tanjung dan Sungai Ujong yang sekarang dikenali sebagai Seremban. Pelan yang dirangka ini membolehkan pelbagai jenis barang yang dibawa oleh kapal dagangan seperti rempah-ratus, beras, ubi kayu diangkut melalui keretapi dari pelabuhan ke Sungai Ujong.



## SEJARAH PORT DICKSON



Landasan kereta api dan pelabuhan laut ini memainkan peranan penting untuk mengembangkan perdagangan terutamanya untuk mengeksport timah dari lombong di Sungai Ujong. Untuk memudahkan pembinaan landasan ini, pihak British membawa masuk tenaga buruh dari India. Dengan usaha yang gigih tersebut maka landasan itu telah siap dan dirasmikan oleh Setiausaha Negeri-negeri Bersekutu, Sir John Frederick Dickson. Dengan perasmian landasan kereta api itu, pihak British telah menukarkan nama tempat tersebut dari Tanjung menjadi Port Dickson. Sejak dari itu peristiwa bersejarah tersebut, nama Port Dickson telah menjadi sebutan orang ramai di Malaysia malah seluruh dunia.




Sejak mula beroperasi sebagai pelabuhan laut dalam, Port Dickson telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Pada tahun 1893 sahaja 600 kapal dari Singapura dan Port Klang berlabuh di Port Dickson memungkah muatan kapal dan kemudian mengangkutnya dengan keretapi ke Sungai Ujong. Pembangunan yang pesat di kawasan ini, aktiviti pelabuhan yang sibuk dan bertambahnya jumlah pengangkutan barang-barang dari dalam dan luar Port Dickson, telah menyebabkan pembinaan satu pusat pemeriksaan Kastam dan Imigresen pada tahun 1894.

Kejayaan pelabuhan ini juga membawa kepada beberapa pembaharuan kepada pusat bandarnya. Bangunan-bangunan kedai papan telah dirobohkan dan digantikan dengan bangunan kedai batu. Kira-kira 45 bangunan kedai batu telah didirikan, sementara permohonan juga diterima untuk tapak tanah kosong di sepanjang pantai. Tarikan menarik kawasan pantai di Port Dickson juga telah berjaya mengembangkan potensi Port Dickson sebagai salah satu tempat tumpuan utama pelancong di Malaysia.



# PENGENALAN ORGANISASI



Majlis Daerah Port Dickson (MDPD) ditubuhkan pada 1 Disember 1979. Ia dinaiktaraf sebagai Majlis Perbandaran Port Dickson pada 2 Februari 2002.

## **PROFIL MPPD**

- Luas 57,341 Ha
  - Pentadbiran MPPD 22,844 ha
  - 5 Mukim
    - \*Port Dickson \* Si Rusa
    - \*Pasir Panjang \*Lingga
    - \*Jimah
  - Asas ekonomi utama ialah perkhidmatan
  - Kawasan persisiran pantai - 61.28 km dan aktiviti rekreatif pantai yang bersesuaian - 18 km
  - Asas ekonomi sokongan ialah, pelancongan, pertanian, bekerja sendiri, kakitangan kerajaan dan perladangan

# Port Dickson Pantai Peranginan Negara



# Port Dickson Bandar Tentera Darat



# Port Dickson Wellness Zone



# STRUKTUR ORGANISASI



## NILAI BERSAMA MPPD

**Menjayakan Inovasi dan Kemajuan**

**Mengutamakan Pencapaian**


Kami komited untuk menjayakan matlamat dan sasaran pencapaian

**Mengutamakan Pelanggan**

Kami komited untuk memenuhi keperluan pelanggan dan pemegang taruh kami


**Mendokong Integriti dan Akauntabiliti**

Kami komited untuk mengamalkan sikap amanah dan kawalan kendiri



Daerah Port Dickson telah dikenal pasti sebagai kawasan yang akan memandu dan menjana pembangunan di Negeri Sembilan. Rancangan Pembangunan Komprehensif MVV 2.0, 2045 (MVVC DP 2.0, 2045) telah disediakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada tahun 2017. Oleh itu, persediaan Rancangan Tempatan selaras dengan peruntukan perundangan, memperincikan Rancangan Pembangunan Komprehensif MVV 2.0, 2045 (MVVC DP 2.0, 2045), penggantian Rancangan Tempatan sedia ada, pertumbuhan penduduk dan pembangunan projek berimpak tinggi adalah amat diperlukan.

Rancangan Tempatan Malaysia Vision Valley 2045 (RTMVV 2045) adalah dokumen perancangan untuk Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Perbandaran Port Dickson bagi memandu hala tuju pembangunan, menggalakkan dan mengawal perancangan dan pemajuan tanah di kawasan pentadbiran.



Aspirasi MVV adalah menjadi satu wilayah dan metropolis yang berdaya tahan dan pada masa yang sama MVV juga akan mencapai satu keseimbangan antara aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Visi ini merupakan aspirasi teguh yang menekankan daya saing dan kelestarian serta pada masa yang sama sentiasa relevan untuk digunakan bagi menghadapi cabaran masa hadapan serta menjadi rujukan utama pembangunan kawasan MPPD.

## PUNCA KUASA DAN PERUNDANGAN MPPD

-  Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
-  Akta Perancang Bandar Dan Desa (Akta 172)
-  Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974 (Akta 133)
-  Akta Perancang Bandar Dan Desa (Pindaan)1995 (Akta A933)
-  Akta Perancang Bandar Dan Desa Pindaan) 2001 (Akta A1129)
-  Akta Pengangkutan Jalan 1987



-  Enakmen Kraf Air Peribadi 1998
-  Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1998
-  Enakmen Majlis Perbandaran Port Dickson



-  Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Port Dickson) Kerajaan Tempatan 1976.
-  Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Port Dickson) Jalan, Parit Dan Bangunan 1979.
-  Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Majlis Daerah Port Dickson 1976.
-  Undang-Undang Kecil Kadar Bayaran Bagi Tangki Najis Dan Membuang Sampah (Majlis Daerah Port Dickson) 1982.
-  Undang-Undang Kecil Bayaran Denda (Lesen) (Majlis Daerah Port Dickson) 1982.
-  Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Port Dickson) 1982.
-  Undang-Undang Kecil Melesen Tred, Perniagaan, Perindustrian Dan Lain-Lain Profesyen (Majlis Daerah Port Dickson) 1983.
-  Undang-Undang Kecil Kawalan Lembu Kerbau (Majlis Daerah Port Dickson) 1983.
-  Undang-Undang Kecil Kawalan Dan Peruntukan Ruang Letak Kereta Diluar Jalan (Majlis Daerah Port Dickson) 1984.
-  Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Port Dickson) 1984.
-  Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Daerah Port Dickson) 1986.
-  Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) 1986.



## PUNCA KUASA DAN PERUNDANGAN MPPD

-  Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Daerah Port Dickson) 1990.
-  Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) 1990.
-  Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Port Dickson) 1990.
-  Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Daerah Port Dickson) 1991.
-  Undang-Undang Kecil Iklan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) 1992.
-  Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Port Dickson) 1995.
-  Undang-Undang Kecil Iklan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) (Pindaan) 1996.
-  Undang-Undang Kecil Pelesenan Rumah-Rumah Tumpangan (Majlis Daerah Port Dickson) 1996.
-  Perintah (Kenderaan Berjalan Lambat) (Sekatan Penggunaan Jalan) Majlis Daerah Port Dickson 1999.
-  Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1999.
-  Peraturan-Peraturan Bagi Pegawai-Pegawai Dan Kakitangan (Majlis Daerah Port Dickson) (Kelakuan Dan Tatatertib) 1999.
-  Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib (Majlis Daerah Port Dickson) 2001.
-  Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Port Dickson ) (Pindaan) 2001.
-  Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) (Pindaan) 2001.
-  Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan) (Pindaan) 2007.
-  Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2008.
-  Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2008.
-  Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2008.
-  Undang-Undang Kecil Siber Cafe Dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2010.
-  Undang-Undang Kecil Anjing Dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2010.
-  Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2010.

